



BAR KEENAM

BAB KEENAM

RUMUSAN DAN CADANGAN

6.0 Pendahuluan

Bab terakhir ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian rumusan dan bahagian cadangan. Bahagian rumusan akan menyorot aspek-aspek penting yang telah dibincangkan dalam bab-bab yang lalu. Sorotan ini bertujuan untuk menghasilkan satu rumusan yang menyeluruh yang melahirkan maklumat-maklumat penting yang berkaitan dengan kajian ini.

Bahagian cadangan pula, akan mengetengahkan beberapa cadangan yang berasaskan kepada kepentingan mempelajari ilmu nahu, balaghah dan kaedah-kaedah yang lebih berkesan bagi meningkatkan tahap pengajian bahasa al-Quran dan memahami ciri-ciri balaghah al-Quran, khususnya dalam aspek penggunaan *I.F* dan *F.M* yang terkandung di dalamnya.

6.1 Rumusan

Setelah diperhatikan kepada perbincangan dan analisis yang telah dilakukan dalam ini, penulis dapat mengemukakan rumusan-rumusan penting yang boleh dijadikan keseluruhan kajian ini. Antaranya ialah :

Ilmu nahu dan balaghah adalah dua ilmu yang dipelajari dan dikaji oleh setiap individu, kerana dengan

dapat menyingkap rahsia-rahsia kemukjizatan al-Quran dan hikmah-hikmah pengertian ayat-ayatnya yang telah diturunkan oleh Allah. Selain dari itu, kita juga dapat merasai keindahan gaya bahasa al-Quran dengan ciri-ciri balaghahnya yang unik serta mengenal pasti keindahan bahasa Arab dan kehalusannya.

Ilmu balaghah adalah satu unsur yang melahirkan keindahan gaya bahasa, manakala ilmu nahu adalah satu unsur yang melahirkan kaedah-kaedah yang bertepatan dengan sesuatu situasi penggunaan ungkapan tertentu.

I.F adalah suatu derivasi dari kata akar yang di ambil dari pola *maṣḍar* (kata sumber). Ia mempunyai pola yang berbeza-beza berdasarkan kepada kategorinya iaitu *thulāthīy mujarrad*, *thulāthīy mazīd biḥarf*, *thulāthīy mazīd biḥarfayn*, *thulāthīy mazīd bi thalāthat aḥruf*, *rubā'iy mujarrad*, *rubā'iy mazīd biḥarf*, *rubā'iy mazīd biḥarfayn*, *khumāsīy* dan *sudāsīy*. Pembentukan pola *I.F* adalah sama dengan *F.M* dari segi bilangan baris dan sukunya. Ia bukan hanya sekadar persamaan dari sudut fizikalnya sahaja diperolehi dari kajian tersebut malahan ia mempunyai persamaan dari sudut makna dan masa.

Dalam bahasa Arab penggunaan *I.F* ialah untuk menunjukkan kepada si pelaku dan perlakuannya atau kejadian yang sentiasa berubah-ubah sama ada perbuatan yang disengajakan atau tidak dan juga ia berlaku dalam masa yang berbeza-beza sama ada pada waktu yang telah lalu, kini atau waktu yang akan datang. Penggunaan tersebut terdapat di dalam ilmu nahu. Manakala dalam kajian ilmu balaghah pula penggunaan *I.F* ialah bagi menunjukkan sesuatu perbuatan itu dilakukan oleh si pelaku dalam keadaan perbuatan itu adalah perbuatan yang *thubūt* (tetap) tidak berlaku secara beransur-ansur. Penggunaannya juga ialah untuk menunjukkan sesuatu perbuatan itu pasti berlaku pada

masa akan datang atau perbuatan yang sudah pasti dilakukan sentiasa. Oleh itu, para ulama bahasa dan tafsir menekankan pentafsiran ini dari sudut hikmahnya agar dapat diketahui oleh para pengkaji, pengguna bahasa Arab dan para pembaca al-Quran secara amnya dan surah *Yāsīn* secara khususnya.

Di dalam kajian surah *Yāsīn* penulis telah mendapati bahawa penggunaan *I.F* ialah menunjukkan kepada perbuatan yang berlaku secara *thubūt* (tetap) dan pasti berlaku dari pihak pelaku. Hikmah penggunaannya adalah untuk menunjukkan perbuatan itu akan sentiasa wujud zaman berzaman walaupun peristiwa-peristiwa di dalam al-Quran adalah sesuatu yang sudah berlaku. Berita-berita gembira di dalam al-Quran juga di gunakan pola *I.F*, iaitu perbuatan yang pasti berlaku sebagaimana juga berita-berita ancaman digunakan pola yang sama. Berita-berita gembira seperti janji kenikmatan syurga bagi orang-orang yang taat adalah sesuatu yang pasti dan kekal. Oleh itu, hikmah penggunaan pola *I.F* juga menunjukkan kepada sesuatu perbuatan yang bersifat kekal dan menambahkan rasa yakin dan percaya kepada golongan tersebut untuk berbakti kepada Allah dengan amal yang soleh. Begitu juga, berita-berita ancaman seperti a dunia dan di akhirat adalah suatu yang pasti dan kekal. Oleh itu, hikmah pe *I.F* dalam ayat-ayat seperti ini menambahkan rasa takut manusia perbuatan keji dan bercanggah dengan perintah Allah.

F.M pula adalah satu pola yang menunjukkan suatu waktu kini dan yang akan datang dengan imbuan persamaan dengan *I.F* dari segi bilangan baris dan sukun. Ia juga mempunyai kategori kategorinya seperti *F.M thulāthiy mujarrad, thulāthiy mazīd biharf, thulāthiy mazīd*

biḥarfayn, thulāthiy mazīd bi thalāthah aḥruf, rubā'iy mujarrad, rubā'iy mazīd biḥarf dan *rubā'iy mazīd biḥarfayn*.

Hubungan makna dan masa yang terdapat pada pola *I.F* dan *F.M* hanyalah sekadar hubungan perbuatan dan masa yang sedang berlaku atau yang akan berlaku. Di dalam al-Quran *F.M* tidak boleh digantikan dengan *I.F* dan juga sebaliknya kerana ada rahsia dan hikmah yang tertentu. Akan tetapi di dalam bahasa Arab, penggunaan pola *I.F* boleh menggantikan pola *F.M* secara umumnya.

Hubungan makna dan masa dari kedua-dua pola ini di dalam al-Quran mempunyai identiti yang tersendiri yang hanya dapat dikenal pasti oleh orang-orang yang mendalaminya secara langsung. Penggunaan pola *I.F* dan *F.M* dalam surah *Yāsīn* telah berjaya merialisasikan hikmah dan rahsia ayat-ayat tersebut dalam mempertingkatkan kefahaman dan ketaqwaan dengan lebih berkesan dan jelas. Malahan kisah-kisah dan perbuatan golongan terdahulu seolah-olah pasti berulang dan sentiasa hidup di dalam pemikiran. Oleh itu, ia juga memberi kesan yang nyata bahawa al-Quran menceritakan sesuatu yang telah, sedang dan akan berlaku.

Selain dari itu, kajian ini telah melahirkan beberapa dapatan penting. Antaranya ialah mengetahui tafsiran pola *I.F* di dalam al-Quran dengan lebih tepat berdasarkan kepada hikmah dan rahsia penggunaannya.

Hubungan pola *I.F* dengan *F.M* dari segi makna dan masa yang dipaparkan di dalam kajian ini dapat membantu mempertingkatkan kaedah-kaedah pembelajaran gaya bahasa Arab kepada para pelajar dengan lebih berkesan dan mantap sama ada dari sudut pertuturan mahupun tulisan.

6.2 Cadangan

Peranan *I.F* amat besar sekali faedahnya dalam hubungan makna dan masa dengan *F.M*. Ia juga amat berfaedah dalam konteks pendidikan dan pembelajaran. Di bawah topik ini, Penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan bagi tujuan mempertingkatkan tahap pembelajaran ilmu nahu dan balaghah al-Quran khususnya yang berkaitan dengan penggunaan *I.F* dan *F.M* dan hubungan kedua-duanya dari sudut makna dan masa.

Antara cadangan-cadangan yang dikemukakan ialah mata pelajaran ilmu nahu dan balaghah hendaklah diperkenalkan di peringkat sekolah menengah lagi terutamanya sekolah-sekolah yang beraliran agama dan Arab supaya mereka mendapat pendedahan awal tentang perlunya mempelajari ilmu nahu dan balaghah dan mengetahui kepentingannya.

Pembelajaran ilmu nahu dan balaghah hendaklah diteruskan hingga ke peringkat universiti supaya mereka terus berminat mempelajarinya hingga ke tahap yang lebih tinggi.

Selain daripada mempelajari kaedah-kaedah ilmu balaghah secara umumnya, para pelajar di semua peringkat tersebut perlu didedahkan dengan mata pelajaran balaghah al-Quran dalam kurikulum pendidikan agama dan Arab bagi menyelami keindahan gaya bahasa al-Quran dan memahami ajaran-ajaran yang terkandung di dalamnya dengan lebih berkesan dan jelas.

Bagi menjamin keseragaman pembelajaran nahu dan ilmu balaghah al-Quran, satu kurikulum khusus atau sukatan bagi mata pelajaran ini perlu digubal dan dilaksanakan dengan penyusunan yang lebih sistematik yang bersesuaian dengan setiap peringkat persekolahan dan pengajian.

Bagi menjamin keberkesanan pembelajaran ilmu nahu dan balaghah al-Quran, pihak-pihak yang berkenaan hendaklah menyediakan tenaga pengajar yang benar-benar berkeelayakan dan mahir dalam bidang-bidang ini supaya ia dapat disampaikan dengan lebih efektif dan sempurna.

Tenaga pengajar yang benar-benar mahir dalam bidang-bidang ini agak terhad. Oleh itu, pihak yang berkaitan dengan pendidikan patut bertindak dengan menghantar guru-guru pendidikan Islam dan bahasa Arab yang sedia ada untuk menyambung pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi dalam bidang-bidang ini, sama ada di universiti dalam negeri atau luar negeri. Tindakan ini akan dapat menampung kekurangan tenaga pengajar yang benar-benar boleh dijadikan pakar rujuk dalam bidang-bidang ini.

Jika tidak menjadi halangan, umat Islam juga hendaklah digalakkan mempelajari ilmu nahu dan balaghah, kerana dengan kedua-duanya mereka dapat mengenal pasti unsur-unsur kemukjizatan al-Quran yang hebat, rahsia-rahsia dan hikmah-hikmah yang terdapat di sebalik penggunaan pola-pola tertentu dan keindahan gaya bahasanya serta memahami isi-isi kandungan al-Quran dengan lebih berkesan.

Dalam mengenengahkan balaghah al-Quran, guru-guru agama, para pendakwah, penceramah bebas, pegawai agama dan lain-lainnya perlu melengkapkan diri mereka dengan ilmu balaghah al-Quran seperti hikmah dan rahsia penggunaan *L.F* dan *F.M* serta hubungan makna dan masa di antara kedua-duanya dalam surah-surah al-Quran supaya mereka dapat menyampaikan ilmu ini kepada orang-orang awam menerusi kerjaya masing-masing untuk menarik minat mereka memahami ayat-ayat al-Quran dan ajaran-ajarannya dengan lebih mendalam.

Pakar-pakar ilmu nahu dan balaghah al-Quran wajar mengorak langkah ke arah yang lebih produktif dengan mengarang buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan bidang-bidang ini dengan penyusunan yang lebih sistematik atau menterjemah buku-buku balaghah Arab ke dalam bahasa Malaysia supaya ia boleh dijadikan bahan rujukan yang memudahkan para pelajar dan pengkaji serta orang-orang awam yang tidak memahami bahasa Arab.

Pihak-pihak perpustakaan di negara ini, termasuk semua perpustakaan di universiti-universiti tempatan, hendaklah mengambil inisiatif yang lebih berkesan dengan memperbanyakkan bahan-bahan rujukan dalam bidang ini. Langkah ini amat bermakna sekali kepada pencinta-pencinta ilmu ini dan boleh menjadi pemangkin ke arah penubuhan perpustakaan nahu dan balaghah al-Quran di rantau ini pada masa akan datang.

6.3 Penutup

Penampilan kajian ini antara lain bertujuan untuk memperkenalkan dan memperkembangkan pengetahuan mengenai penggunaan pola ini dan memaparkannya dalam gambaran yang jelas dan mudah difahami. Pengolahan dan pemahaman yang menyeluruh tentang penggunaan pola ini di dalam surah *Yāsīn* merupakan faktor penting bagi membantu seseorang pelajar mendalami bahasa Arab dan retorik al-Quran.